

Kami memerlukan **Warganegara Malaysia** yang **berkelayakan, komited** dan **berdedikasi** untuk berkhidmat di Fakulti Undang-undang bagi jawatan di bawah peruntukan Personel MySTEP seperti berikut:

Keutamaan diberikan kepada calon berikut :

- a) Berpengalaman dalam bidang yang diperlukan serta boleh mengendalikan kerja dengan baik;
- b) Mempunyai kemahiran interpersonal dan komunikasi yang baik;
- c) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- d) Boleh bekerja secara individu dan berkumpulan serta menjalankan lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh ketua dari semasa ke semasa.
- e) Mempunyai kelayakan dan kemahiran mengendalikan perisian MS Office (Word, Excel, Powerpoint) atau perisian berdasarkan bidang.

A. Maklumat Jawatan : Pereka B19

Jawatan	Pereka B19
Kadar Upah	RM1,700.00
Penempatan	Pejabat Dekan, Fakulti Undang-undang
Tempoh Diperlukan	02 Mei 2024 – 31 Disember 2024
Tempoh Iantikan	8 bulan

Syarat Iantikan

Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh pada tarikh tutup permohonan; dan
- c) kelulusan
 - i. mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan. **atau**
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut. **atau**
 - iii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. **atau**
 - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **atau**

- v. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- d) syarat Bahasa Melayu : calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas

Pereka B19

- i. Mereka bentuk dan mereka letak bahan komunikasi visual yang menepati program dan strategi Fakulti mengikut visual/ dummy/ konsep yang telah disediakan;
- ii. Membantu melaksana produksi multimedia yang berkesan dan inovatif bagi menyokong program Fakulti;
- iii. Membantu membangunkan serta mengendalikan laman sesawang Fakulti supaya dapat berfungsi dengan baik dan lancar;
- iv. Membantu mereka letak konsep efek grafik audio visual dalam persembahan multimedia;
- v. Membantu membuat pemilihan dan penyuntingan bahan-bahan untuk kegunaan dalam produksi bahan visual;
- vi. Membantu mereka bentuk pameran, pelan, lukisan perspektif dan lukisan 3-dimensi grafik dan lain-lain bagi persembahan projek/ aktiviti yang berkesan, berkualiti dan cemerlang seperti visual yang telah disediakan;
- vii. Membantu kerja- kerja pentadbiran lain seperti yang diarahkan dari masa ke masa.

Cara memohon

- a) Calon boleh membuat permohonan dengan menghantar salinan lembut (softcopy) dokumen yang telah disahkan ke alamat e-mel **ppfuu@ukm.edu.my**
- b) Keperluan dokumen yang telah disahkan perlu adalah seperti berikut:
 - i. Resume lengkap;
 - ii. Salinan Sijil SPM;
 - iii. Sijil kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- c) Hanya calon yang layak dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga secara dalaman di Fakulti Undang-undang.
- d) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga. Jika calon tidak menerima sebarang maklum balas **selepas satu (1) bulan dari tarikh tutup permohonan, calon dianggap tidak berjaya.**
- e) Permohonan yang tidak lengkap dan lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- f) Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pejabat Dekan
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan.
03-8921 6354
u.p: Puan Suriani Mohamad Habit

Tarikh tutup permohonan : **29 Mac 2024 (Jumaat)**